

22 AUG 2003

Syed Hamid-OIC

SULTAN HASSANAL BOLKIAH SAH HADIRI SIDANG KEMUNCAK OIC

PUTRAJAYA, 22 Ogos (Bernama) -- Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah, mengesahkan baginda akan menghadiri sesi ke-10 Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang akan berlangsung di sini dari 11 hingga 18 Okt ini.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata perkara itu dimaklumkan oleh baginda kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada pertemuan mereka di Pejabat Perdana Menteri di sini, hari ini.

"Baginda Sultan membayangkan yang baginda juga akan menghadiri Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi di Langkawi pada September dan Sidang Kemuncak Asean di Bali pada Oktober," katanya.

Sultan Hassanal Bolkiah kini berada dalam rangka lawatan kerja empat hari ke Malaysia bermula semalam. Semasa berada di negara ini, beliau mengadakan pertemuan empat mata dengan Dr Mahathir.

Baginda diiringi delegasi yang terdiri daripada 11 pegawai kanan yang diketuai Setiausaha Tetap Brunei, Pehin Datuk Yahya Mudim Bakar.

Syed Hamid berkata pada pertemuan itu, kedua-dua pemimpin berbincang mengenai kerjasama ekonomi serta pelbagai isu dua hala yang melibatkan Malaysia dan Brunei pada mesyuarat akan datang Asean dan Apec.

Perangkaan terbaru Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) menunjukkan dagangan dua hala Malaysia-Brunei bagi tempoh Januari hingga Mei tahun ini berjumlah RM484.8 juta.

Daripada jumlah itu, nilai eksport Malaysia ke negara itu mencecah RM479.1 juta, manakala nilai import pula berjumlah RM5.7 juta.

Tahun lepas, nilai dagangan antara kedua-dua negara berjumlah RM992.2 juta.

-- BERNAMA

RIZ SP PR